


# Usah terpedaya isu sekolah Cina

UM 2 5 MAR 2002

**M**UAR 24 Mac — Pengundi-pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri Ketari diingatkan supaya tidak terperangkap dengan hasutan kumpulan pelampau Cina yang mendakwa kerajaan hendak menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina di negara ini.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kumpulan pelampau seperti Dong Zia Jong pasti akan mengambil kesempatan untuk menyokong calon DAP dalam pilihan raya kecil dewan undangan negeri itu dengan menggunakan isu tersebut untuk mendapatkan sokongan pengundi Cina.

Katanya, DAP yang ketandusan isu akan mengeksploitasi isu-isu seperti SRJK (C) Damansara sebagai contoh bagi menguatkan dakwaan kononnya kerajaan



berhasrat menghapuskan sekolah Cina di negara ini.

“Perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga sudah pasti akan digunakan bagi menakut-nakutkan pengundi Cina.

“Kerajaan sudah berkali-kali menjelaskan bahawa ia tidak pernah berhasrat untuk menutup sekolah Cina

bahkan undang-undang pun dah ada menyebutkan bahawa Menteri Pendidikan tidak mempunyai kuasa menutup sekolah ini,” tegasnya kepada para pemberita di sini.

Beliau berkata demikian selepas upacara perasmian Sidang Perwakilan UMNO Bahagian Pagoh di Kompleks Sukan Pagoh di sini. Sidang tersebut dirasmikan oleh Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, masyarakat Tionghua di Ketari seharusnya menerima kenyataan kerajaan mengenai kedudukan sekolah-sekolah Cina di negara ini.

Katanya, apa yang lebih penting bagi mereka ialah memastikan kerajaan yang sedia ada berkuasa bagi

membolehkan mereka menikmati faedah pembangunan.

Bagaimanapun beliau gembira kerana pemimpin-pemimpin Parti Gerakan dan MCA akan tampil memberikan penjelasan mengenai perkara itu sebagai tindak balas jika DAP menggunakan isu tersebut untuk meraih undi.

Bagi UMNO pula, kata beliau, walaupun pengundi Melayu merupakan 39 peratus di kawasan itu, mereka harus memberikan sokongan kepada calon BN dari Gerakan bagi memastikan calon itu menang pada pilihan raya kecil berkenaan.

“Harapan calon BN yang berwibawa memenangi semula kerusi di situ amat cerah, lebih-lebih lagi calon DAP yang dikemukakan sudah dua kali ditolak oleh pengundi kawasan itu,” ujarnya.